

TEKS UCAPAN

**Y.BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
NAIB CANSELOR UTeM**

Majlis Penutup Temasya Olahraga Kali Ke-5 UTeM 2012

10 Mac 2012 (Sabtu), 4.50 pm, Stadium UTeM

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis

A) SALUTASI

Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani b. Mohd Nor
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Y.Bhg. Engr. Prof. Dr. Marizan b. Sulaiman
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Y.Bhg. Prof. Dr. Muhammad Ghazie b. Ismail
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Y.Berusaha Tuan Hj. Ismail b. Abdol Jalil
Ketua Bahagian , Pusat Sukan UTeM

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Ketua pasukan, para atlet dan ahli jawatankuasa pelaksana Kejohanan Olahraga Kali Ke-5, 2012

Assalamualaikum wr wbrkth, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

B) PENGENALAN

1. Terlebih dahulu izinkan saya melafazkan rasa syukur ke hadrat Illahi kerana dengan rahmat dan hidayahNya dapat kita bersama berkumpul pada petang yang penuh bermakna ini. Ucapan tahniah dan syabas ditujukan kepada jentera Jawatankuasa Pengelola yang terdiri dari kalangan staf dan

pelajar kerana berjaya menganjurkan Temasya Olahraga Tahunan yang telah pun memasuki edisi yang ke-5.

2. Sesungguhnya program seumpama ini sememangnya selaras dengan hasrat Universiti agar **warganya bergiat aktif dalam aktiviti kesukaran** supaya dapat memupuk kesihatan diri dari segi fizikal, mental, disiplin dan mudah berinteraksi apabila menjalankan silaturrahim.
3. **Kecergasan tubuh badan** menjadikan kita cerdas, setelah segala tumpuan dan perhatian terarah kepada kerja di pejabat atau di kelas pembelajaran, seharusnya kita meluangkan masa untuk beriadah. Ini sekaligus, **mengurangkan tekanan dan meningkatkan prestasi kerja yang lebih cemerlang**. Untuk

terus mengekalkan momentum, saya amat berharap agar penglibatan dalam kesukanan tidak terhenti di sini sahaja demi kesihatan yang sejahtera.

4. Saya percaya bahawa penganjuran sukan olahraga sebegini telah banyak menyumbang kepada usaha **memupuk semangat kerja berpasukan, toleransi dan muhibbah di kalangan staf dan pelajar UTeM**. Saya berharap agar semangat kesukanan yang ditonjolkan oleh para atlet sepanjang berlangsungnya temasya sukan ini dapat diterapkan dalam budaya harian sama ada sebagai pelajar, mahupun pekerja untuk menjadi individu yang terbilang. Hasrat ini dijelaskan menerusi bait-bait pantun berikut

*Indah pantai di waktu senja,
Menjadi tumpuan masyarakat setempat;
Pelbagai aktiviti dijalani bersama,
Mencari yang tersirat menjadi matlamat.*

*Berkualiti rehat minda yakin,
Semua halangan mudah dicara;
Atlet sihat menjadi pemangkin,
Kepada kecemerlangan sukan negara.*

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

C) KUPASAN ISI

C1.Info Kejohanan Olahraga Kali ke-5 2012 & Keistimewaan

5. Sebagaimana dimaklumi, program temasya olahraga kali ke-5 yang dianjurkan melibatkan **atlet di kalangan pelajar dan staf**

UTeM, di mana sebanyak **12 acara** telah dipertandingkan melibatkan gabungan semua PTj dan fakulti.

6. Penganjuran sukan seumpamanya, sebenarnya dijadikan **landasan pemilihan atlet dan persediaan pasukan Universiti** bagi menyertai Sukan Staf (SUKUM) dan Sukan Pelajar (MASUM) pada tahun 2012. Selain temasya olahraga ini, **Sukan Antara Jabatan (SAJ)** juga sedang hangat berlangsung.
7. Secara keseluruhannya, tahun ini **kekuatan bagi setiap pasukan agak seimbang** yang menyebabkan persaingan yang lebih sengit berbanding tahun-tahun lepas. Di SUKUM misalnya, pasukan UTeM hebat dalam acara olahraga **kategori veteran** kerana **3 rekod olahraga** yang tercipta.

Hadirin sekalian,

8. Suka saya berkongsi, kecemerlangan atlet UTeM yang dicapai sehingga kini. Atlet terbaik staf di antaranya adalah **Encik Shahran Mohsen** (Olahragawan 2009) yang terlibat bagi acara olahraga dan *record holder* untuk acara lompat jauh veteran. Manakala **Encik Shamsul Bahari Azraai** (Olahragawan 2010) terlibat bagi acara olahraga juga merupakan *record holder* bagi acara 4x100 meter veteran. **Kpt (B) Abd Wahid Sulaiman** pula, merupakan *record holder* bagi acara rejam lembing.
9. Di kalangan pelajar, kita mempunyai 2 pelajar yang mewakili SUKMA Melaka iaitu **Saudara Isbollah Harun** dari **Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)** dan **Saudara Muhammad Aliff Borhan** dari **Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi**

(FTMK). Kesemua atlet ini lahir hasil dari temasya olahraga UTeM. Syabas dan tahniah atas usaha gigih para atlet!

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

C2.Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pengajian Tinggi

10. Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (**DPSIPT**) di peringkat KPT telah digubal dengan matlamat :

- i) menjadikan **IPT sebagai pemangkin** kepada kecemerlangan pembangunan sukan negara;
- ii)mewujudkan budaya bersukan di IPT ke arah **memperkasakan modal insan seimbang dan berkualiti**

dalam pencapaian akademik dan penglibatan bidang sukan; dan

- iii) mensasarkan untuk melahirkan sekurang-kurangnya **30%** atlet negara terdiri daripada atlet IPT atau “**The Thinking Athletes**” dalam tempoh 5 tahun mulai 2010-2014.

11. Justeru UTeM harus menyahut cabaran yang telah dikemukakan di peringkat KPT untuk direalisasikan. Walaupun bukan mudah, perjalanan yang mengambil tempoh masa yang lama, namun dengan adanya **sokongan seperti prasarana, aktiviti dan temasya olahraga** sebegini, sudah pasti hasrat ini dapat digembeleng bersama.

C3. Pusat Sukan Tumpuan

12. Selain itu, seperti dimaklumi, sebanyak 25 Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam termasuk satu IPT Swasta di seluruh negara telah dipilih untuk menjayakan program Pembangunan Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) dan Program Pembangunan Pusat Sukan Tumpuan (PST).
13. Dalam konteks ini, UTeM telah dipilih oleh KPT dalam kategori PST bagi acara berbasikal. Sebagai **PST bagi Sukan Berbasikal**, UTeM akan menjadi pusat latihan pelumba-pelumba basikal dari semua IPT di seluruh Malaysia. Malah, kita juga sering menganjurkan pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi berkaitan dengan sukan berbasikal selaras dengan keutamaan yang telah diberikan.

Hadirin sekalian,

C4. Pencapaian/ Pengiktirafan

14. Berdasarkan reputasi yang sentiasa meningkat dalam aspek kesukanan maka UTeM telah dipilih bagi **Premis Penganjuran Kejohanan Memanah Terbuka Melaka** dan **Sirkit pertama Memanah Kebangsaan** pada **21-25 Mac 2012** melibatkan sejumlah 250 peserta termasuk jemputan dari Thailand, Indonesia dan Singapura. Atlet memanah yang akan ke Sukan Olympik London juga akan turut serta. UTeM juga telah diamanahkan oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk menjadi **hos Karnival Sukan IPT Negeri Melaka 2012** buat pertama kalinya pada bulan **April** ini. Ini merupakan pengiktirafan yang cukup bermakna kepada Universiti. Melalui karnival ini seramai 4,000 atlet akan berkumpul dan bertanding dalam

pelbagai acara sukan. Selain itu, pada bulan **Mei**, UTeM akan menjadi **hos Sukan MTUN** yang melibatkan staf dan pelajar di kalangan 4 Universiti MTUN : UTHM, UTeM, UMP dan UniMAP.

15. Alhamdulillah, saya amat bersyukur di atas pencapaian serta pengiktirafan yang disebutkan dan ini menunjukkan aktiviti sukan di UTeM terus subur dan gemilang. Oleh itu, bersamalah kita berganding bahu menyokong dan berusaha gigih untuk memenangi setiap acara yang dipertandingkan. Adat bertanding dalam permainan pasti ada yang menang dan ada yang kalah. Yang penting dalam perlawanan sebegini adalah semangat **bertanding secara sihat**. Eratkan ikatan yang terjalin ini tidak sahaja semasa perlawanan tetapi kemesraan tersebut perlu diteruskan pada masa akan datang.

16. Akhir kata, sekali lagi saya mengambil kesempatan mengucapkan syabas kepada penganjur atas usaha menjayakan aktiviti sukan di UTeM. Kepada para pemenang, tahniah saya ucapkan dan kepada yang belum berjaya, jangan berputus asa kerana saya percaya kemenangan dan kejayaan yang lebih bermakna ialah **pembentukan satu pasukan kerja yang proaktif, dinamik dan berdaya tahan bagi memacu kecemerlangan kepada keseluruhan organisasi** UTeM yang tercinta. Justeru pesanan saya, **gunakanlah peluang** yang ada, **tonjolkan diri** dalam bidang sukan dan **harumkanlah nama** UTeM di persada sukan. Semoga **bilangan atlet baru** yang muncul di UTeM akan **terus dipertingkatkan**.

Dengan lafaz “*Bismillahirrahmanirrahim*”, saya merasmikan Majlis Perasmian Penutup Temasya Olahraga Tahunan Kali ke-5, 2012.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth.*
Terima kasih.